

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' WIRA OTHMAN BIN ABDUL
(PENDANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 09.06.2015

Y.B. DATO' WIRA OTHMAN BIN ABDUL [PENDANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapa terdapat cukai GST dalam transaksi akaun peribadi pelanggan sesebuah bank. Apa rasional Kerajaan mengenakan cukai GST dalam transaksi ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Semua perkhidmatan kewangan yang berasaskan fi adalah tertakluk kepada GST. Dengan itu, selaras dengan dasar tersebut, transaksi akaun

peribadi pelanggan sesebuah bank adalah tertakluk kepada GST. Layanan ini disebabkan pelanggan memperolehi perkhidmatan yang disediakan oleh suatu bank dalam menjayakan pelbagai urusan niaga perbankan/kewangan.

Justifikasi atau rasional pengenaan GST ke atas transaksi tersebut adalah untuk memberikan layanan yang saksama dengan perkhidmatan berasaskan fi oleh mana-mana penyedia perkhidmatan yang lain. Sebagai contoh, fi yang dikenakan oleh perkhidmatan transaksi jual beli saham oleh suatu syarikat broker saham dan fi langganan produk insurans juga dikenakan GST. Sekiranya perkhidmatan berasaskan fi bagi transaksi perbankan ini tidak dikenakan GST, ianya akan memberi layanan yang tidak saksama kepada penyedia perkhidmatan lain yang tertakluk kepada GST seperti yang disebutkan tadi.

Sungguhpun pada asasnya perkhidmatan kewangan adalah merupakan pembekalan yang dikecualikan (*exempt supply*) di bawah Jadual Kedua, Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pembekalan Dikecualikan) 2014, transaksi yang berasaskan fi oleh sektor perbankan masih tertakluk kepada GST. Ini bermaksud GST tidak akan dikenakan ke atas perkhidmatan kewangan yang semata-mata berasaskan kepada faedah

(*interest*) seperti yang disenaraikan di dalam perintah tersebut termasuklah perkhidmatan operasi akaun semasa, akaun deposit simpanan, akaun pelaburan atau pembiayaan apa-apa pinjaman.